

SUKAN MALAYSIA IX, 2002 PERATURAN PERTANDINGAN SKUASY (LELAKI DAN WANITA)

1.0 PERATURAN AM

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut **PERATURAN PERTANDINGAN SKUASY PERSATUAN SKUASY MALAYSIA.**
- 1.2 Sekiranya timbulnya sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka Undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.
- 1.3 Kejadian diluar dugaan yang tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan berasas kepada Peraturan Pertandingan Persekutuan Skuasy Sedunia.
- 1.4 Semua kejadian akan diputuskan berasas kepada **PERATURAN AM SUKAN MALAYSIA IX, 2002.**
- 1.5 Sebarang persoalan teknikal akan diputuskan berasas kepada Persekutuan Skuasy Sedunia.
- 1.6 Sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Skuasy SUKAN MALAYSIA IX, 2002 adalah muktamad.

2.0 TARIKH PERTANDINGAN

05 Sept hingga 11 Sept, 2002.

3.0 TEMPAT PERTANDINGAN

Kompleks Sukan Kota Kinabalu,
Kota Kinabalu,
Sabah.

4.0 PENYERTAAN

- 4.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua pasukan Negeri, Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Universiti-universiti Malaysia (MASUM) dan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM). Penyertaan hendaklah dibuat melalui Majlis Sukan masing-masing.
- 4.2 Setiap Negeri, PDRM dan MASUM dan MSSM hanya boleh mendaftarkan satu (1) pasukan terdiri daripada:-

	<u>Lelaki</u>	<u>Wanita</u>
Pengurus Pasukan	1 orang	-
Jurulatih	1 orang	1 orang
Pengadil	1 orang	-
Peserta	4 orang	4 orang
	-----	-----
	7 orang	5 orang
	=====	=====

- 4.3 Bilangan peserta bagi setiap acara, untuk setiap pasukan adalah seperti berikut :-
- 4.3.1 Pasukan Lelaki 4 orang
 - 4.3.2 Perseorangan Lelaki 2 orang
 - 4.3.3 Pasukan Wanita 4 orang
 - 4.3.4 Perseorangan Wanita 2 orang

5.0 KELAYAKAN PESERTA

- 5.1 Hanya peserta yang lahir pada tahun 1981 dan selepasnya sahaja yang layak didaftarkan oleh sesuatu pasukan.
- 5.2 Semua pasukan hendaklah mengemukakan dua (2) salinan Kad Pengenalan dan tiga (3) keping gambar berukuran Pasport Antarabangsa bagi setiap peserta bersama dengan Borang Pendaftaran Peserta. Bagi peserta PDRM kesahihan tarikh lahir hendaklah disahkan oleh Pengerusi/Setiausaha Majlis Sukan PDRM. Peserta yang dipilih daripada anggota Angkatan Tentera Di Raja Malaysia hendaklah menggunakan kad pengenalan BAT C 10 sebagai pengenalan rasmi masing-masing. Semua peserta yang menggunakan

dokumen pendaftaran JPN 1/9 atau JPN 1/11 mestilah disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, Petaling Jaya sahaja.

- 5.3 Hanya peserta yang didaftarkan dengan Yuran Pendaftaran RM 20.00 seorang mengikut Peraturan Am perkara 6.2 sahaja yang layak menyertai pertandingan ini.
- 5.4 Peserta-peserta gantian yang dikemukakan selepas tarikh tutup pendaftaran/semasa taklimat Pengurus Pasukan akan dikenakan Yuran Pendaftaran RM 20.00 seorang. Gantian peserta hanya boleh dilakukan kepada peserta yang telah didaftarkan sebelum tarikh tutup pendaftaran. Semua Yuran Pendaftaran peserta tidak akan dikembalikan.
- 5.5 Tertakluk kepada Peraturan Am perkara 20.7, peserta yang berkhidmat dengan PDRM dan pelajar-pelajar yang sedang menuntut di Pusat Pengajian Tinggi yang bergabung dengan MASUM tidak boleh mewakili mana-mana kontinjen/negeri kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Sukan berkenaan.
- 5.6 Atlet-atlet yang sedang menuntut di pusat-pusat pengajian tinggi yang mendapat biasiswa/dermasiswa daripada Kerajaan negeri hendaklah dibenarkan mewakili negeri yang menaja mereka.
- 5.7 Seseorang pemain kebangsaan hanya dibenarkan menyertai seperti mengikut Peraturan Am Perkara 4.6.
- 5.8 Taraf permastautin peserta adalah tertakluk kepada Peraturan Am perkara 20.11.

6.0 MESYUARAT PENGURUS PASUKAN

- 6.1 Taklimat Pengurus Pasukan akan diadakan satu (1) hari sebelum pertandingan pertama dijalankan.
- 6.2 Pengurus-pengurus Pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta dengan Kad Pengenalan atau Pasport Antarabangsa atau dokumen pendaftaran JPN 1/9 atau JPN 1/11 mestilah disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, Petaling Jaya yang asal untuk disahkan. Tambahan kepada bilangan peserta yang telah didaftarkan tidak dibenarkan.
- 6.3 Senarai peserta yang disahkan semasa Taklimat Pengurus Pasukan adalah muktamad.

7.0 ACARA-ACARA

- 7.1 Pertandingan ini dibahagikan kepada acara-acara seperti berikut :-
 - 7.1.1 Perseorangan Lelaki
 - 7.1.2 Berpasukan Lelaki
 - 7.1.3 Perseorangan Wanita
 - 7.1.4 Berpasukan Wanita
- 7.2 Aturcara pertandingan adalah seperti berikut :-
 - 7.2.1 Perseorangan
 - 7.2.2 Berpasukan

8.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 8.1 Acara Pasukan Lelaki dan Wanita
 - 8.1.1 Pertandingan peringkat awal akan dijalankan secara Liga satu pusingan dalam dua (2) kumpulan iaitu : Kumpulan 'A' dan Kumpulan 'B'.
 - 8.1.2 Keempat pasukan yang berjaya ke peringkat separuh akhir di SUKAN MALAYSIA VIII, 2000 akan menjadi pasukan Pilihan atau seeded. Pasukan

Johan dan tempat keempat akan mengetuai Kumpulan 'A'. Pasukan Naib Johan dan Pasukan Tempat Ketiga akan mengetuai Kumpulan 'B'. Pasukan-pasukan yang lain akan diundi bagi menentukan kumpulan masing-masing.

8.1.3 Pasukan Johan dan Naib Johan kumpulan 'A' dan 'B' layak ke peringkat separuh akhir di mana pemenang-pemenang 'A1' bertemu 'B2' dan 'A2' bertemu 'B1'.

8.1.4 Pemenang-pemenang dalam peringkat separuh akhir akan bertemu di perlawanan Akhir bagi menentukan Johan dan Naib Johan Pasukan.

8.1.5 Pasukan yang kalah di peringkat separuh akhir akan menentukan tempat ketiga dan keempat.

8.2 Senarai peserta bagi tiap-tiap perlawanan hendaklah diserahkan kepada Pengarah Pertandingan dalam masa satu (1) jam sebelum waktu permulaan mengikut susunan berikut :-

8.2.1 Perseorangan Pertama

8.2.2 Perseorangan Kedua

8.2.3 Perseorangan Ketiga

8.3 Senarai nama yang telah diserahkan itu tidak boleh dipinda walaupun berlaku keuzuran, selepas perlawanan bermula.

8.4 Semua pertandingan di dalam kumpulan yang dijalan secara liga, mata kemenangan akan diberi seperti berikut :-

Menang - 2 Mata

Kalah - 0 Mata

8.5 Sekiranya pada akhir perlawanan dalam sesuatu kumpulan memperoleh kiraan mata yang sama lebih

dari satu, maka keputusan akan ditentukan seperti berikut :-

8.5.1 Jika dua (2) pasukan yang terlibat, maka pasukan yang mengalahkan lawannya di peringkat awal dikira sebagai pemenang.

8.5.2 Jika lebih daripada dua pasukan yang terlibat, maka pemenang akan ditentukan dengan kiranya perbezaan (difference) dari jumlah perlawanan (matches), set dan angka-angka mata yang diperolehi pasukan-pasukan berkenaan.

9.0 MENARIK DIRI

9.1 Pasukan atau peserta yang terlewat lima belas (15) minit selepas masa yang telah dijadualkan dengan tidak memberi alasan yang munasabah, dianggap menarik diri dan memberi kemenangan tanpa bertanding kepada pihak lawannya itu.

9.2 Menarik diri (walk-over) adalah tidak dibenarkan. Jika ianya berlaku, maka pasukan atau peserta berkenaan akan dikira sebagai menarik diri dari keseluruhan pertandingan dan tidak dibenarkan menyertai pertandingan-pertandingan seterusnya.

10.0 PENGADIL (HAKIM, PEGAWAI) PERTANDINGAN

10.1 Setiap pasukan dikehendaki membawa seorang (1) Pengadil yang bertauliah bersama-sama pasukannya setelah diluluskan oleh Persatuan Skuasy Malaysia.

10.2 Pengarah Pertandingan dan Delegat Teknikal akan dilantik oleh Persatuan Skuasy Malaysia yang akan berhubung terus dengan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan SUKMA IX, 2002.

10.3 Jawatankuasa Kecil Teknikal akan melantik Pengadil/Hakim tambahan yang bertauliah untuk bertugas di sepanjang pertandingan, jika perlu.

- 10.4 Semua keputusan yang dibuat oleh Pengadil dalam setiap pertandingan adalah muktamad.

11.0 BANTAHAN/TATATERTIB

- 11.1 Semua pasukan boleh membuat bantahan. Hanya Pengurus Pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Bantahan hendaklah secara bertulis dan disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak RM 200.00 tunai.
- 11.2 Wang pertaruhan akan luput jika bantahan yang dikemukakan itu didapati tidak wajar.
- 11.3 Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Pengarah/Pegawai Pertandingan dalam masa tiga puluh (30) minit selepas pertandingan itu tamat.

12.0 JAWATANKUASA BANTAHAN/TATATERTIB

- 12.1 Perlantikan Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib dan Prosedur Aturcara Mesyuarat adalah sebagai yang diamalkan oleh Persatuan Skuasy Malaysia seperti berikut :-
- 12.1.1 Pengerusi Pertandingan/Wakilnya
 - 12.1.2 Pengarah Pertandingan /Wakilnya
 - 12.1.3 Ketua Delegat Teknikal/Wakilnya
 - 12.1.4 Dua (2) orang Pengurus Pasukan yang tidak terlibat dalam kes bantahan/tatatertib itu.
- 12.2 Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib akan bersidang dalam masa dua (2) jam setelah menerima laporan daripada Pengadil atau Pegawai Pertandingan dan membuat sesuatu keputusan jika tindakan tatatertib perlu diambil.
- 12.3 Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib berhak mendapatkan sebarang maklumat dari mana-mana pihak yang berkaitan dengan perkara yang dibincangkan untuk membuat sesuatu keputusan.

13.0 HADIAH-HADIAH

13.1 Pingat-pingat kemenangan akan disediakan seperti berikut :-

	EMAS	PERAK	GANGSA
LELAKI			
Perseorangan Lelaki	1	1	1
Berpasukan Lelaki	1	1	1

	EMAS	PERAK	GANGSA
WANITA			
Perseorangan Wanita	1	1	1
Berpasukan Wanita	1	1	1
JUMLAH	<u>4</u> =====	<u>4</u> =====	<u>4</u> =====

13.2 Pemberian pingat-pingat kemenangan adalah tertakluk kepada Peraturan Tetap 14.3.

Disediakan oleh :-
Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan
SUKAN MALAYSIA IX, 2002
Peraturan am sukma 2002)/skuasy/091001/dila